

Publisiti Wawasan bantu tarik pelabur asing: PM

B.H. 22 JAN 1993

KUALA LUMPUR, Khamis — Publisiti meluas mengenai Wawasan 2020 dapat memberi maklumat kepada pelabur asing mengenai peluang pelaburan yang boleh diceburi di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia mempunyai wawasannya sendiri untuk memajukan negara dan mendorong rakyatnya bekerja keras mencapai matlamat itu.

Dr Mahathir berkata demikian ketika melancarkan projek promosi antarabangsa 'Wawasan 2020' oleh majalah Newsweek International, da-

lam satu majlis makan tengah hari di ibu negara hari ini. Turut hadir ialah Presiden Newsweek International, Peter J Luffman.

Sempena pelancaran itu, Perdana Menteri mengucapkan penghargaan kepada Newsweek International kerana memberi liputan khas 40 muka mengenai Malaysia di bawah tajuk 'Malaysia Menuju 2020'.

Bahagian khas itu mengandungi promosi yang menyebut Malaysia adalah tempat berdaya maju dan kukuh untuk pelaburan serta mengembangkan perniagaan.

Ia akan diedarkan dalam Newsweek terbitan 25 Januari ini dan disiarkan dalam bahasa Inggeris serta Jepun.

Dr Mahathir berkata, pendedaran yang luas bagi majalah itu dapat menyebarkan maklumat mengenai Malaysia kepada lebih ramai pembaca.

"Publisiti mengenai wawasan ini dapat menarik minat pelabur mengenai peluang pelaburan di negara ini.

"Ia juga menambahkan kepesatan sektor pelancongan yang menjadi sumber utama pertukaran wang asing," katanya.